



SOALAN LAZIM BERKENAAN BANTUAN MORATORIUM BANJIR BAGI PELANGGAN INDIVIDU

Berikutan bencana banjir yang melanda negara pada Disember 2021, Bank Rakyat mengambil inisiatif membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan dengan menawarkan Bantuan Moratorium Banjir. Tawaran ini khusus buat pelanggan yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka akibat terkesan dengan bencana banjir yang berlaku.

SOALAN LAZIM BERKENAAN BANTUAN MORATORIUM BANJIR BAGI PELANGGAN INDIVIDU

1. Apakah kriteria pelanggan yang layak untuk memohon Bantuan Moratorium Banjir?
Pelanggan yang terjejas berikutan kediaman atau tempat tinggal mereka ditimpa bencana alam atau banjir.
2. Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan yang terjejas dengan banjir?
Bank menawarkan penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga 6 bulan.
3. Apakah syarat kelayakan Bantuan Moratorium Banjir?
 - i. **Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh atau matang.**
 - ii. **Pemohon mestilah tinggal di kawasan yang berlakunya banjir dan termasuk dalam senarai yang diisytiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara atau Negeri dan Majlis Keselamatan Negara Malaysia.**
4. Apakah produk yang ditawarkan untuk Bantuan Moratorium Banjir?
Produk yang ditawarkan adalah:

a) Pembiayaan Peribadi-i	e) Pembiayaan Pendidikan-i
b) Pembiayaan Perumahan-i	f) Pembiayaan Mikro-i
c) Pembiayaan Kenderaan-i	g) Pajak Gadai-i
d) Sewa Beli Kenderaan-i	
5. Adakah Bantuan Moratorium Banjir ini memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?
Tidak.
6. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan yang ingin memohon untuk mendapatkan Bantuan Moratorium Banjir?
Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:
 - i. **E-mel ke morabanjir21@bankrakyat.com.my.**
(Sila sertakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat terjejas, nombor telefon bimbit untuk dihubungi, jenis pembiayaan dan salinan bil utiliti yang mengesahkan alamat pelanggan)
 - ii. **Pusat Panggilan di talian 1300800800.**
 - iii. **Mengunjungi cawangan Bank Rakyat atau Susulan Berpusat Wilayah (SBW) yang berdekatan dengan mengikuti media sosial rasmi Bank Rakyat untuk mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa.**



*Tertakluk pada terma dan syarat

Layari laman web korporat di www.bankrakyat.com.my untuk maklumat lanjut.

7. Bilakah tarikh permohonan Bantuan Moratorium Banjir bermula?
Pelanggan boleh memohon Bantuan Moratorium Banjir ini bermula 20 Disember 2021.
8. Adakah akan berlaku perubahan jumlah ansuran bulanan selepas tamat tempoh moratorium?
Tidak. Bagaimanapun, bagi pembiayaan yang menggunakan kadar terapung sebarang perubahan jumlah ansuran bulanan adalah tertakluk kepada perubahan Kadar Asas (KA)/Kadar Asas Pembiayaan (KAP) atau perubahan dari semasa ke semasa.
9. Adakah akan berlaku perubahan pada tempoh pembiayaan selepas tamat tempoh moratorium?
Ya. Bilangan bulan tambahan yang diperlukan untuk menjelaskan pembiayaan boleh melebihi bilangan bulan moratorium yang diambil.
10. Adakah terdapat pertambahan keuntungan yang dikenakan kepada pelanggan yang memohon kemudahan ini?
Ya, bagi pembiayaan kadar terapung, kadar keuntungan tambahan akan dikenakan ke atas tempoh tambahan yang diambil bagi menjelaskan pembiayaan. Kadar keuntungan tambahan ini tidak akan melebihi kadar siling.
11. Bagaimanakah permohonan bagi akaun pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama?
Hanya seorang penama bagi akaun pembiayaan bersama perlu membuat permohonan. Bank akan menghubungi penama bersama untuk mendapatkan persetujuan.
12. Bagaimanakah permohonan pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan?
Permohonan yang dibuat oleh pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis pembiayaan di Bank Rakyat hanya perlu memohon sekali sahaja. Permohonan akan diproses bagi kesemua akaun pembiayaan pelanggan. Bagaimanapun, bagi permohonan melibatkan pembiayaan yang mempunyai lebih daripada satu penama (akaun bersama) permohonan akan diproses setelah semua penama akaun memberi persetujuan.
13. Bagaimanakah proses bagi pembiayaan yang dibayar melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), Potongan Gaji Majikan (PGM) dan Arahan Tetap (Standing Instruction, SI)?
Bagi pembiayaan yang telah dibayar melalui BPA, PGM atau SI, pembayaran pembiayaan yang telah dibuat bagi bulan yang diberikan moratorium, Bank akan membuat pemulangan bayaran.
14. Adakah pelanggan yang sudah menerima Bantuan Bayaran Pembiayaan PEMULIH yang telah lulus permohonan bagi mengubah proses pembayaran (jumlah atau tempoh bayaran) layak untuk memohon Bantuan Moratorium Banjir?
Ya. Pelanggan yang terjejas dengan banjir layak untuk memohon Bantuan Moratorium Banjir. Sekiranya permohonan pelanggan diluluskan, bantuan moratorium atau pengurangan ansuran bulanan sedia ada akan digantikan dengan Bantuan Moratorium Banjir selama 6 bulan.

Sebagai contoh:

Ahmad mendapat moratorium bagi Bantuan Bayaran Pembiayaan PEMULIH selama 6 bulan bermula Ogos 2021 sehingga Januari 2022. Namun, kediaman Ahmad telah dilanda banjir pada bulan Disember 2021. Ahmad telah memohon bantuan tambahan Bantuan Moratorium Banjir dan telah diluluskan pada bulan Januari 2022.

Tempoh Bantuan Moratorium Banjir yang layak diterima Ahmad adalah bermula dari Januari 2022 sehingga Jun 2022 (6 bulan).



*Tertakluk pada terma dan syarat

Layari laman web korporat di www.bankrakyat.com.my untuk maklumat lanjut.